



October 3, 2015

## **Pendahuluan**

Perkembangan politik kepartian di Malaysia diwarnai oleh berbagai aspek dan angkuh yang wujud dalam negara kita Malaysia. Sebagai negara majmuk yang berlandaskan kepada sistem demokrasi liberal dengan Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang meletakkan Islam sebagai agama negara, Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, serta sistem Raja Berperlembagaan. Ini di samping dasar Rukun Negara, dasar budaya kebangsaan, dasar pengurusan ekonomi dan dasar yang dibentuk oleh kerajaan adalah sebagai pencorak utama kepada pelaksanaan politik di Malaysia.

Dalam konteks perjuangan Islam parti PAS, Keadilan dan UMNO adalah mewakili hasrat kebanyakan orang Melayu yang beragama Islam serta activist Islam. Dengan lebih menjurus Pakatan Rakyat adalah dianggap sebagai kumpulan politik yang akan mengambil alih pucuk pemerintah politik di Malaysia setelah baru-baru ini ia berjaya mendapat 52 peratus undi popular sehingga dapat menidakkan asas legitimacy kerajaan BN yang memerintah sekarang. Asas ini terus terhakis kini oleh pengurusan politik dan kewangan yang sangat buruk sehingga menyebabkan nilai ringgit turun dengan amat menggerunkan sekali serta meningkatnya hutang Negara berbilion ringgit; sesuatu yang tidak pernah terjadi sebelum ini.

Sebab itu sebagai suatu usaha bersama gabungan BERSIH mengadakan perhimpunan Bersih4. Menurut Penganalisa Politweet yang menekuni perkembangan mutakhir secara khusus:

“ The demands of the rally are for Prime Minister Najib Razak to step down and the following institutional reforms to be implemented:

1. Clean Elections
  2. Clean Governments
  3. Saving Malaysia's Economy
  4. Right to Dissent
  5. Strengthening Parliamentary Democracy (added on August 14th)
- On August 14th Bersih released a statement adding a demand for a transitional government to be formed after Najib's resignation. This government would need to implement 10 institutional reforms within the next 18 months to ensure the next General Election would be conducted in a clean, free and fair manner:

1. Reform of electoral system and process
2. Reform of the Election Commission (EC)
3. Separation of Prime Minister and Finance Minister
4. Parliamentary Reform
5. Separation of the functions of Attorney General and Director of Public Prosecution
6. Reform of the MACC
7. Freedom of Information laws
8. Asset declaration by Ministers and senior state officials
9. Abolishment of/Amendment to draconian laws
10. Establishment of the Independent Police Complaints and Misconduct Commission (IPCMC)

On August 27th Opposition MPs from PKR, DAP and GHB released a joint statement declaring they would work with BN MPs to form a new government provided that Anwar Ibrahim and other prisoners of conscience be released; and political reforms be the core agenda of the new government.”

Isu-isu yang diperjuangkan oleh Bersih seperti di atas adalah bersifat universal; sebagaimana ia relevan dalam pentadbiran negara, ia juga adalah sangat relevan dalam tadbir urus unit-unit yang lebih kecil termasuklah parti-parti politik.

### **Latar Belakang Krisis**

Dalam suasana krisis politik yang melanda BN atau lebih khusus UMNO sehingga meningkatkan peluang pembangkang untuk memenangi pilihanraya umum yang akan datang, Parti Islam (PAS) serta Pakatan Rakyat berhadapan dengan kemelut yang bukan sahaja menghapuskan keberadaan Pakatan itu malah membawa krisis antara parti PAS dan DAP serta krisis kepemimpinan tertinggi dalam PAS itu sendiri. Ini dilihat berpunca daripada pra matangnyanya shura di kalangan pimpinan utama PAS mengenai Kanun jenayah Syariah yang hendak dikuatkuasakan di Kelantan. Wujudnya golongan yang pro dan yang kontra dengan anggapan persetujuan wakil Umno Kelantan bersama PAS adalah suatu usaha Umno untuk memecahbelahkan Pakatan Rakyat dan Pas itu sendiri. Ketidak serasian dan perbezaan "awlawiyat" (Perkara yang diutamakan dan didahulukan) pemimpin tertinggi PAS dalam perkara ini, di samping pertikaian tentang 'Langkah Kajang', isu MB Selangor dan lain-lain telah juga menjarakkan golongan ulama dan golongan yang dipanggil professional. Ditambah dengan meruncingnya hubungan antara dua kumpulan pemimpin tertinggi PAS; ini telah dihangatkan lagi dengan salah laku pengurusan perwakilan dan pemilihan kepemimpinan ketika pemilihan di Muktamar yang lepas sehingga memenangkan kumpulan yang ada di dalam "chai" yang dikehendaki oleh kalangan yang terdekat dengan Presiden. Ini kemudiannya menyebabkan 18 pimpinan utama dan penting PAS kalah dalam pemilihan kepemimpinan yang dianggap berlaku sesuatu yang kurang adil dan meragukan. Sebelum ini sudah berlaku serangan peribadi terhadap kumpulan ini dengan gelaran yang buruk, anggapan mereka adalah duri dalam daging dan halangan terhadap kebijaksanaan tindakan presiden, mereka golongan yang mesti dihapuskan kerana menjadi gunting dalam lipatan dan berbagai lagi pertuduhan. Komen presiden PAS sendiri yang gembira dengan kekalahan serta trend penyingkiran pimpinan G18 ini telah menjarakkan lagi hubungan dan bentuk penyelesaian yang boleh dibuat terhadap krisis kepemimpinan PAS ini.

### **Penyelasaan Krisis**

Memandangkan kehadiran mereka dalam kepemimpinan dianggap sesuatu yang membebankan parti maka ternyata usaha untuk mencari jalan tengah sukar dijalankan. Di samping itu harus diingat bahawa pasal 15 Perlembagaan PAS ( Pindaan 2011 ) itu sendiri membenarkan seseorang ahli PAS memohon berhenti dari menjadi ahli. Ini menunjukkan bahawa keluar daripada parti PAS tidaklah bercanggah dengan perlembagaan parti; apatah lagi syara' .

Berlandaskan perkembangan mutakhir (tanpa memperincikan titik kelemahan pimpinan dan bentuk pertikaian ) maka diputuskan oleh kalangan kepemimpinan yang tercantas agar diadakan sebuah parti Islam baru dengan pendekatan yang lebih mesra rakyat, progresif dan amanah demi meneruskan perjuangan politik mereka yang umumnya adalah ahli Parlimen dan Adun di kawasan masing-masing. Sebagai warga negara mereka memang berhak untuk terus berpolitik menerusi wadah politik baru selaras dengan fiqh siasa Islam terkini yang membenarkan penubuhan tersebut dalam suasana yang sedang mereka hadapi ini.

Dalam masa yang sama suatu pembaharuan dalam persepsi politik semasa dan pendekatan serta kaedah bertindak yang lebih anjal dan mesra rakyat perlu diusahakan demi kesinambungan perjuangan politik Islam itu sendiri sepertimana yang berlaku dalam gerakan politik Islam di Turkey yang telah berjaya mencapai unjuran kejayaan yang sangat positif; hasil dari percambahan wadah politik baru; meskipun terdapat perbebedaan di sana sini.

### Asas-Asas Dalil Parti Amanah Negara

Rasional penubuhan Parti Amanah Negara dalam perkembangan mutakhir politik di Malaysia sebagaimana yang telah dijelaskan, disokong oleh dalil-dalil syar'ie seperti berikut:

Penubuhan Parti Amanah Negara adalah berlandaskan kepada ayat al Quran dalam surah Al Zumar ayat 18

الَّذِينَ يَسْتَمِعُونَ الْقَوْلَ فَيَتَّبِعُونَ أَحْسَنَهُ أُولَئِكَ الَّذِينَ هَدَاهُمُ اللَّهُ وَأُولَئِكَ هُمْ أُولُوا الْأَنْبَاءِ

Orang-orang yang mendengar wacana nasihat lalu mengikuti apa yang paling baik di antaranya, mereka itulah orang-orang yang telah diberikan petunjuk Allah dan mempunyai akal yang bijak.

Firman Allah dalam Surah Al hadid 21 :

سَابِقُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا كَعَرْضِ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ أُعِدَّتْ لِلَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ ذَلِكَ فَضْلُ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَن يَشَاءُ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ

Berlumba-lumbalah kalian untuk meraih keampunan daripada Tuhan kalian dan syurga yang ukurannya seluas langit dan bumi disediakan untuk orang-orang yang beriman kepada Allah dan rasul-rasul-Nya. Itulah kurniaan Allah yang diberikan kepada sesiapa yang Dia mahu. Memang Allah mempunyai kurniaan yang besar.

Al Mutaffifin 26:

حَتَامُهُ مِسْكٌ وَفِي ذَلِكَ فَلْيَتَنَافَسِ الْمُتَنَافِسُونَ

(Anugerah) penamat di syurga itu ialah haruman kasturi dan demi itu maka kalian hendaklah saling berlumba-lumba untuk meraihnya.

Berlandaskan kepada hadis Rasulullah :

((إنما بُعثتم ميسرين، ولم تبعثوا معسرين))

Kalian diutus untuk menjadi umat yang memudahkan dan kalian bukan diutus untuk menyusahkan.

Berlandaskan kepada kaedah :

المشقة تجلب التيسير

Kesulitan mengundang kemudahan  
**Dan kaedah**

الأمر إذا ضاق اتسع

October 3, 2015

Sesuatu itu apabila serba menyempitkan maka ia boleh diperluas dan dilapangkan.

Berlandaskan kepada kajian Dr Al Fateh Abdullah Abdul Salam yang antara lain menegaskan :

"Sesuatu perkara yang wajib tidak sempurna tanpa kehadirannya maka perkara itu menjadi wajib ( dihadirkan). Ini adalah suatu kaedah yang valid untuk diguna pakai. Kalau kaedah ini dihubungkaitkan dengan bidang pemerintahan dan politik maka kita akan dapati bahawa syariat mewajibkan kita menegakkan beberapa prinsip Kulliyah yang dalam realiti kini menuntut agar diwujudkan kepelbagaian atau situasi berbilang parti politik. Sebagai contoh; syura umpamanya tidak syak lagi merupakan satu daripada kaedah Kulliyah syara'. Tidak ada cara untuk merealisasinya - menurut hemat kami - di zaman kita kini melainkan melalui kehadiran berbilang parti politik. Ruang lingkup syura dalam bidang pemerintahan merangkum proses peralihan kuasa pehak yang memerintah, di samping tugas pengawasan dan pemantauan pelaksanaan kuasa si pemerintah .Dalam dua situasi ini kepelbagaian atau berbilang parti memainkan peranan utama sebagai paksi pemerintahan politik."

"Seterusnya kaedah "Az Zarai' atau merujuk kepada pertimbangan akibat sesuatu perkara dalam jangka tertentu. Dari sudut ini kita boleh menanggapi kepelbagaian atau dasar berbilang parti sebagai wahana dan pemangkin yang boleh menghalang gejala pemerintahan kuku besi dari satu sudut. Malah dari satu sudut yang lain ia juga boleh menghalang timbulnya huru hara dan revolusi berdarah; ini kerana ia boleh memangkinkan ketenteraman yg menusabah dalam jangka waktu tertentu. Dalam masa yang sama ini memberi ruang kepada oposisi ikut serta dalam kongsi kuasa demi melaksanakan program pembangunan pilihan politiknya . Oleh kerana hukum wasilah adalah berlandaskan hukum Maqasid atau Ghayat ( Matlamat sesuatu ); sama ada hukumnya halal atau haram. Bagi mereka yang cenderung membuat pertimbangan tentang mafsadah kerosakan yang disebabkan oleh wujudnya situasi kepelbagaian dan berbilang parti ini mereka juga patut mengambil kira tentang bencana yang mungkin timbul dari wujudnya kepelbagaian dengan manfaat serta kebaikan yang mungkin muncul dengan pendekatan kepelbagaian dari sudut ia memberi kesempatan berkembangnya pengalaman serta pengkayaan pengalaman berpolitik hasil dari kepelbagaian tersebut. Ini ditambah lagi dengan peluang memperteguh dan meningkatkan lagi kesedaran berpolitik di kalangan orang ramai , peluang melindungi nilai kebebasan , menghalang kecenderungan untuk bersikap kuku besi dalam memerintah di samping mengekal dan menyibarkan kestabilan politik di kalangan rakyat dan masyarakat."

"Seterusnya kebaikan berbilang parti dapat disikapi dari sudut ia melindungi hak dan berbagai kebebasan umum. Parti-parti ini adalah dianggap sebagai wahana dan instrumen yang berkesan memberi ruang kepada individu dan kumpulan orang ramai untuk mengamalkan atau memperkasa hak dan kebebasan umum mereka. Ini semestinya akan menghalang trend ke arah bersikap kuku besi dalam memerintah oleh pihak berkuasa, malah ia menghalang usaha menghakis hak-hak warga negara sebagai rakyat. Ini tidak bermakna bahwa kami berpendapat bahawa hanya dengan kepelbagaian dan berbilang parti sahaja sebagai satu-satunya jalan melindungi hak dan kebebasan umum. Sebaliknya, pendapat kami sebenarnya ialah berbilang parti ini pemangkin dan wahana yang paling berkesan untuk meraih cita-cita luhur berkenaan. Sekiranya ia tidak - pada dasarnya - bertentangan dengan hukum syara' manakala mafsadah dan kerosakannya tidak lebih besar dari faedah

October 3, 2015

yang mungkin boleh diraih dengannya maka kebolehpakaian dasar ini tetap menjadi pegangan yang sah dan absah."

"Akhirnya yang boleh menjadi sandaran ialah (السوابق التاريخية) Dulu sejarah atau precedent."

"Pihak yang mengatakan bahawa kepelbagaian parti politik Islam ini adalah sah dan dibenarkan melandaskan pandangan mereka dengan mengatakan bahawa sejarah Islam sebelum ini telah menyaksikan gejala kepelbagaian ini dalam bentuk munculnya beberapa kumpulan dan jalur pemikiran berkelompok seperti wujudnya Khawarij, Muktaizilah, Syiah, Murji'ah dan lain-lain. Kalau kita renung secara lebih mendalam maka kita akan dapati mereka ini sebagai suatu kumpulan politik; sebab pada dasarnya mereka mempunyai alternatif tersendiri dalam membuat pilihan terhadap program yang bersifat politik; meskipun pilihan tersebut terselit di bawah lapisan tuntutan yang bersifat mazhab agama di bahagian luarnya."

Hujah di atas membenarkan kehadiran berbagai parti yang berjuang untuk matlamat Islam; walaupun tidak berjenama dengan "Islam" pada zahirnya kerana kekangan undang-undang setempat yang menghalang, demi memberi ruang kepada aktivist pejuang Islam untuk meneruskan perjuangan politik mereka.

Ini tentunya perlu diimbangi dengan kesedaran yang setara dengan realiti masyarakat madani yang tidak menganggap bahawa sesuatu parti memonopoli perjuangan Islam dengan menafikan hak orang lain atau pihak lain memaikan tanggungjawab mereka sebagai rakyat dalam masyarakat madani yang demokratik memperjuangkan Islam, serta berleluasa pula menganggap mereka sebagai pengkhianat, fasiq, musuh atau alat orang kafir dalam dan luar negara.

Menyedari kehadiran Parti Amanah Negara adalah untuk melengkapkan lagi sudut penataran kerja-kerja politik dalam bentuk yang lebih dinamis, berorientasikan masa depan, progresif dengan parti-parti pakatan yang lain maka kehadiran Parti Amanah Negara adalah sangat dialu-alukan demi mencorakkan kegiatan politik yang lebih kompetitif dan bermanfaat untuk masyarakat majmuk.

### **Parti Amanah Negara Bukan Pengkhianat**

Memandangkan latar belakang kemunculan parti ini sepertimana yang telah dihuraikan secara ringkas sebelum ini maka kumpulan yang mengambil keputusan mengasaskan parti ini bukanlah pengkhianat menurut syara'. Ini kerana mereka telah semacam dipaksa keluar secara tidak adil dan dijatuhkan maruah serta kredibiliti mereka oleh kumpulan yang memihak kepada presiden. Dalam konteks ini mereka adalah kumpulan teraniaya setelah sekian lama mereka berjuang gigih untuk memenangi perjuangan parti PAS di Parlimen dan di luar Parlimen; tiba-tiba mereka dianggap sebagai duri dalam daging dan sampah yang tidak berharga.

Dalam hubungan ini menurut Dr Murad Fadhl Bin Abdullah dalam buku beliau "Al Muqaddimah Fi Fiqh Al Asr":

"Pemerintah kalau menganiaya seseorang dan tidak mahu berlaku adil dengan keengganan membawa isu ini kepada pengadilan atau enggan hadir ke pengadilan Tahkim (mahkamah) maka orang yang berkenaan tidak wajib patuh atau taat

October 3, 2015

kepada pemerintah negerinya sehinggalah ia menyelesaikan kes keterzaliman tersebut. Peraturan seperti ini telah menjadi peraturan tetap kemudiannya dalam pemerintahan khalifah Omar seperti diriwayatkan dalam "athar " dengan sanad yang sahih oleh al Khallah yang teksnya berbunyi:

من كانت له عند اميره مظلمة فلم ينصفه فلا طاعة له عليه دوبي

"Siapa yang Amirnya melakukan kezaliman terhadap dirinya dan Amir atau pemerintah itu tidak mahu memberikan keadilan kepadanya maka tidaklah dia wajib mematuhi Amir tersebut sehinggalah aku (Saidina Omar ) menyelesaikannya."

"Asas amalan ini ialah firman Allah dalam (Surah Al Nisa Ayat 59.

فان تنازعتهم في شيء فردوه الى الله والى الرسول....

Sekiranya kalian bertikai dalam sesuatu perkara maka kembalikanlah kepada Allah dan kepada Rasul."

"Ketidak patuhan ini ialah semasa dalam pertelingkahan dengan pemerintah di mana kedua pihak yang bertikai diwajibkan bertahkim."

"Amalan Saidina Omar ini adalah sah; bahkan sunnah . Ia semacam kodifikasi kanun yang berlandaskan nas; di mana beliau telah merumuskannya sebagai peraturan umum atau asas perlembagaan atau sebagai satu fasal dari kanun yang diperundangkan."

Kes yang disebut di atas adalah kalau seseorang itu dianiaya oleh pemerintah . Oleh itu kes ini boleh dikisahkan dengan lebih aula untuk hubungan antara pemimpin parti dan ahlinya.

Para pemimpin parti baru ini umumnya adalah mereka yang diusir keluar secara langsung dan tidak langsung kerana persengketaan yang berlaku. Mereka adalah mangsa yang mencari wadah baru dan mahu memperkasa asas tahaluf serta kerjasama untuk meneruskan perjuangan Islam dalam masyarakat madani yang memperakui hak mereka untuk bergerak dalam parti politik baru; di mana mereka dapat meneroka usaha dan cara baru untuk menegakkan keadilan dan perjuangan Islam yang mereka amalkan selama ini.

Isu sumpah sudah mereka selesaikan dengan Allah dengan melepaskan diri mereka menurut ketentuan fiqh syara'.

Mereka bukan orang yang lari dari medan perjuangan; tetapi sebaliknya mereka tetap istiqamah dan meneruskan perjuangan Islam dengan wadah baru; bersih dari penghinaan terhadap diri dan maruah mereka . Kalau pun mereka hendak disifatkan sebagai orang yang lari dari medan perang maka mereka adalah orang yang memihak kepada kumpulan permuafakatan yang lebih besar atau menurut istilah Quran sebagai "Mutahaiyizan Ila Fi'ah Aw Mutaharifan Lil Qital " demi meneruskan perjuangan asal. Dalam dalam hal ini Rasulullah pernah bersabda :

"من قال أستغفر الله الذي لا إله إلا هو الحي القيوم غفر له وإن كان قد فرّ من الزحف."

Siapa yang menyebut:

أستغفر الله الذي لا إله إلا هو الحي القيوم

Maka dosanya akan diampunkan oleh Allah meskipun ia lari dari medan tempur.

### Kewajipan Tidak Menghina dan Merendahkan Rakan Seperjuangan

Sebenarnya memang menjadi kewajiban setiap muslim untuk menghargai dan menghormati saudara Islam yang lain. Malah inilah prasyarat persahabatan hasil dari nikmat iman.

Sebab itu dalam kesempatan ini kita mengajak para pemimpin dan pengikut gerakan Islam agar mengamalkan gesaan Al Quran Surah Al Hujurat ayat 11 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّنْ قَوْمٍ عَسَىٰ أَن يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِّنْ نِّسَاءٍ عَسَىٰ أَن يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ وَلَا تَلْمِزُوا أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا بِالْأَلْقَابِ بِئْسَ الْإِسْمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

Wahai orang-orang beriman, janganlah sesuatu kaum dalam kalangan kamu itu merendah dan menghina kaum yang lain kerana kemungkinan mereka yang direndah dan dihina itu lebih baik daripada mereka yang merendah-rendahkan itu. Jangan pula kaum wanita kamu mempersendakan kaum wanita lain kerana kemungkinan wanita yang dipersendakan itu lebih baik daripada mereka yang mempersendakan. Janganlah kamu mencaci sesama kamu. Janganlah kamu menggelar sesama kamu dengan gelaran yang buruk. Seburuk-buruk panggilan ialah memanggil seseorang dengan kata fasik dan kufur sesudah dia beriman. Sesiapa yang melakukan sedemikian dan tidak bertaubat, maka mereka termasuk dalam kalangan orang yang zalim.

Rasulullah bersabda : Tidak akan masuk syurga orang yang memutuskan hubungan silaturahmi.

### Penutup

Kini Pakatan Harapan sudah pun terbentuk dengan tiga parti teras iaitu PKR, DAP dan Parti Amanah Negara untuk menghadap pilihanraya yang akan datang . PAS masih berkesempatan untuk bersama pada masa hadapan apabila timbul kesedaran yang mendalam bahawa kejayaan perjuangannya tidak mungkin diraih secara bersendirian. Kita masih tidak berputus harap tentang kembalinya PAS untuk bersama dengan Pakatan Harapan ini dengan semangat setiakawan dan iltizam yang lebih kental insyaallah.

Selaras dengan harapan di atas marilah kita terus memperjuangkan Islam dengan meneruskan ukhuwwah dan kasih sayang yang kita warisi selama bertahun-tahun dalam usaha kita memperjuangkan Islam ini. Mari kita bermaaf-maafan dan berlapang dada atas apa jua kelemahan masing-masing dan perkara lepas yang sudah menjadi sejarah. Mari kita bina masa hadapan kita dengan redha kepada segala takdir dan Qadha' Allah. Marilah kita sentiasa bersangka baik terhadap rakan-rakan seperjuangan Islam sekalipun berlainan wadah. Perpaduan gerakan Islam meskipun berlainan wadah adalah lebih utama untuk dipertahankan, demi memperjuangkan kepentingan agama yang menjadi tunjang perjuangan yang didokong bersama. Orang-orang mukmin adalah bersaudara, seperti satu binaan; masing-masing perlu bekerjasama, saling melengkapi- kelemahan dan kekuatan masing-masing, dan berlapang dada atas kelemahan yang ada serta cuba mencari titik persamaan dengan penuh hikmah dan berdiplomasi. Inilah adab ikhtilaf yang



October 3, 2015

menuntut keimanan, keikhlasan dan kesedaran sivik yang tinggi. Perkara yang sudah berlaku harus diterima dengan redha dan hati yang terbuka..

لا حول ولا قوة الا بالله

Sesungguhnya Allah Maha Bijaksana dalam segala takdir dan qadha'nya. Mari kita berpakat dan kembali meneruskan perjuangan dengan lebih gigih dan bertenaga tanpa membuang masa dan tenaga dengan meneruskan dendam permusuhan dan kebencian yang tidak bertempat. Ya Allah bukakan pintu hati saudara seperjuangan kami , lapangkan perasaan mereka , kurniakan mereka semangat dan jiwa besar serta tekad untuk terus berpadu dalam perjuangan menobatkan nilai-nilai murni agama Mu, Innaka Sami'un Mujib.

Salam Idul Adha 1436 untuk semua dan sama-samalah kita menghayati semangat pengorbanan semata-mata demi Allah S.W.T.

11hb Zulhijjah 1436h  
25 September 2015

Ahmad Awang  
Penasihat Umum Parti Amanah Negara